



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

HARI : KHAMIS
TARIKH : 18/11/2021
M/SURAT : 12

KPDNHEP akui wujud ketirisan subsidi minyak

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengakui wujud ketirisan dalam pengagihan subsidi minyak dan telah mengenal pasti 19 kes yang juga antaranya telah dibawa ke mahkamah.

Menterinya Datuk Sri Alex-

ander berkata pihaknya berse-
dia menyiasat perkara tersebut
bagi mencari penyelesaian.

"Saya terima pandangan
tersebut kerana itu adalah satu
nilai konstruktif yang boleh
digunakan kelak. Kalau berkenaan
ketirisan, kita akui ada
pelbagai bentuk ketirisan mung-

kin menerusi pelaksanaan dan
pengagihan kontrak yang terda-
hulu.

"Kita kesan 19 kes dan jalan-
kan siasatan. Ada juga daripada
19 kes ini yang kita hadapkan ke
mahkamah," katanya di Dewan
Rakyat semalam.

Isu itu berbangkit selepas

Anwar Ibrahim (Port Dickson-
PH) bangun mencelah ucapan
Alexander meminta jaminan
kerajaan supaya subsidi minyak
diberikan kepada golongan yang
berhak.

"Ada dua masalah yang sudah
sedia maklum dan yang pertama
adalah cara pengagihan kontrak

kepada syarikat-syarikat yang
mengagihkan yang kaut keun-
tungan dan membocorkan. Kedua-
nya, menyerahkan subsidi itu
kepada golongan yang tidak lay-
ak seperti mana yang berlaku di
Sabah dan Sarawak serta subsidi
minyak kepada nelayan di sini,"
ujarnya.



NURATIQAH Ruslan membantu ibunya bermiaga nasi kukus dan kerepek di Kinarut, Papar.

Peniaga naikkan harga minyak masak paket

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@mediamula.com.my

KOTA KINABALU: Kekurangan bekalan minyak masak paket satu kilogram di pasaran membuka ruang kepada pembekal untuk mengambil kesempatan menaikkan harga kepada RM3.50 sepaket.

Keadaan itu meletakkan pengguna dalam keadaan tersebut kerana terpaksa membeli pada harga yang lebih mahal.

Shahran Andi, 38, yang berniaga pisang goreng berkata, dia memerlukan sehingga tujuh peket minyak masak setiap hari. "Namun, sejak ekonomi dibuka semula selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), masalah kekurangan bekalan minyak masak pula dihadapi.

"Kekurangan bekalan di pasar raya menyebabkan kami

terpaksa membeli minyak daripada pembekal yang menjualnya pada harga RM2.80 hingga RM3.50 sepeket.

"Pembekal datang ke sinjai pada setiap dua minggu dan kami terpaksa juga beli biarpun harganya tinggi berbanding harga biasa, RM2.50 sepeket," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Shahran berkata, bekalan minyak peket masih ada di pasaran cuma pembelian dihadkan kerana kekurangan stok. Di pasar raya, setiap pelanggan hanya boleh beli dua paket.

Katanya, peniaga seperti perlu menggunakan minyak masak paket dalam kuantiti yang banyak setiap hari maka, dua paket itu tidak mencukupi.

Tambah beliau, sebelum PKP, mereka dibenarkan membeli sekotak minyak masak tetapi sekiranya pembelian amat terhad.

Justeru, Shahran berharap,

kerajaan dapat menangani masalah kekurangan bekalan minyak masak paket ini agar tiada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga dan membebankan peniaga serta pengguna.

Sementara itu, Nuratiqah Ruslan, 16, yang membantu ibunya bermiaga nasi kukus menyatakan, kesukaran mendapat bekalan minyak masak peket menyebabkan peniaga makanan seperti mereka terjejas.

"Setiap hari kami memerlukan tiga peket minyak masak untuk menggoreng ayam. Tapi, sejak bekalan sukar diperoleh, mereka terpaksa membeli minyak dalam botol yang jauh lebih mahal.

"Kalau ada minyak masak peket sekalipun, pembelian dihadkan kepada dua peket sahaja bagi setiap pelanggan," katanya.

KPDNHEP cari kaedah stabilkan harga minyak sawit di pasaran

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mencari kaedah terbaik bagi menstabilkan harga minyak masak walaupun peningkatan harga minyak sawit mentah (CPO) telah memberi kesan kepada perbelanjaan kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kerajaan akan melihat kepada beberapa kaedah dalam memastikan bekalan minyak masak sawit kekal dijual secara runcit dengan harga yang tidak membebani pengguna.

"Ketika ini harga bagi satu tan metrik CPO di peringkat global telah melambung naik, jika sebelum ini kita meletakkan nilai ambang subsidi kepada RM2,500 bagi satu tan metrik, CPO sekarang telah naik berkali ganda iaitu lebih RM5,000 bagi satu tan metrik.

"Sekiranya harga terus melambung, sudah tentu akan memberi kesan kepada perbelanjaan bagi pelaksanaan Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak.

"Kerajaan akan melihat kepada kaedah lain bagi memastikan bekalan minyak masak sawit mencukupi di pasaran dan juga memastikan minyak sawit dijual secara runcit pada harga yang tidak membebani pengguna khususnya kepada golongan



KPDNHEP mencari kaedah terbaik untuk menstabilkan harga minyak masak bagi mengelakkan pengguna terbeban. ➤ GAMBAR HIASAN

B40," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Robert Lawson Chuat (GPS-Betong) mengenai kesan kepada Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak sekiranya CPO terus melambung naik.

Sementara itu, beliau berkata, kajian bagi mengoptimumkan subsidi seliaan KPDNHEP dilakukan bagi memastikan ia dapat

dioptimumkan selain agihannya sampai kepada golongan sasaran.

"Kajian berkenaan dimulakan pada tahun ini dan dijangka selepas menjelang tahun hadapan.

"Melalui kajian itu, aspek keberkesanan pelaksanaan program subsidi sedia ada akan dinilai, membabitkan keberkesanan penyampaian, mekanisme pelaksanaan, darjah ketirisan dan kos terbabit," katanya.

Stok minyak masak peket habis

Penduduk Selangor alami masalah kekurangan stok minyak peket sejak dua minggu lalu

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI dan MOHD IZZATUL IZUAN TAHRIR

SHAH ALAM

Penduduk di Selangor dilanda kerisauan apabila bekalan minyak peket bersaiz satu kilogram (kg) dilihat berkurangan sejak dua minggu lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* di Seksyen 30 di sini pada Rabu mendapat bekalan minyak peket di kedai runcit sukar didapati kerana sering kehabisan stok.

Hasil tinjauan juga mendapat terdapat pasar raya yang menghadkan pembelian minyak itu kepada tiga peket dalam satu transaksi pembelian.

Seorang penyelia sebuah pasar mini di Seksyen 30 di sini, Fazilah Mohd Mukhsin berkata, premisnya mula terputus bekalan minyak peket sejak dua minggu lalu.

Menurutnya, apabila bertanya kepada pembekal, pihak terbabit berkata terdapat kerosakan pada mesin di kilang menyebabkan bekalan minyak tersebut terputus.

"Kami cuba dapatkan bekalan dari tempat lain iaitu di Pasar Besar Klang, itu pun tidak dapat banyak."

"Hanya sekotak yang mengandungi 17 peket minyak sahaja sehari," katanya ketika di-



Bekalan minyak peket semakin sukar didapati sejak dua minggu lalu.



ROJIS ROSLAN HIDAYATUS ZAMAN SUHAILA FAZILAH

temui pada Rabu.

Salah seorang peniaga ayam goreng di sini, Wan Nurain Wan Mohd Nizam, 19, berkata, dia menyedari kesukaran untuk mendapatkan bekalan minyak peket sejak dua minggu lalu.

Dia terpaksa pergi ke empat buah kedai runcit di kawasan sekitar untuk mendapatkan barang-an bersubsidi itu.

"Saya terpaksa pergi mencari sehingga empat kedai runcit di sini bagi mendapatkan bekalan minyak peket.

"Agak susah nak jumpa minyak masak peket ketika ini," katanya.

Bagi peniaga pisang goreng, Nasofa Adnan, 51, dia bimbang dengan isu kekurangan minyak peket sejak kebelakangan ini kerana perkara sama pernah terjadi sebelum ini, yang berlarutan selama sebulan.

Menurutnya, masalah yang

berlaku itu mengganggu perniagaannya kerana banyak niaga digunakan semata-mata untuk mencari minyak peket di merau tempat.

"Banyak buang masa cari minyak peket di kedai lain kerana hanya dapat beli satu atau dua peket sahaja di sebuah kedai.

"Dulu isu ini pernah terjadi sehingga sebulan, tapi sekarang sudah dua minggu. Saya risau dan tidak tahu sampai bila ia akan berlarutan," katanya yang sudah berniaga selama 12 tahun.

Dalam pada itu, peniaga, Roslan Mat, 52, berkata, beberapa kedai runcit dan pasar raya di daerah itu tidak lagi menjual minyak peket sejak beberapa hari lalu.

Menurutnya, dia mendapatkan barang-an kuwalan bersubsidi itu di pasar raya kerana stok di premis berkenaan lebih banyak berbanding di kedai runcit.

"Selalunya saya mendapatkan

bekalan minyak peket di pasar raya, cuma sejak kebelakangan ini minyak peket tidak banyak seperti dulu," katanya yang mengusahakan kedai makan di Kampung Lombong, di sini.

Sementara itu, rata-rata pengguna di daerah Sabak Bernam juga merungu berikutan kesukaran mendapatkan minyak masak peket sejak dua minggu lalu.

Tinjauan di sebuah pasar raya di Sungai Besar mendapat bekalan minyak masak peket kehabisan stok.

Seorang pengguna, Roslan Mat, 52, berkata, beberapa kedai runcit dan pasar raya di daerah itu tidak lagi menjual minyak peket sejak beberapa hari lalu.

Menurutnya, minyak masak peket jauh lebih murah jika dibandingkan minyak masak botol.

"Saya biasa guna minyak masak peket, tetapi harap kerana kunjungan ke pasar raya semua

rak dipenuhi minyak masak botol, sahaja," katanya.

Dalam pada itu, Suhaila Shahrin, 27, pula berkata, ketiadaan barang kawalan bersubsidi itu memberi kesan kepada perniagaan inap desa diusahakan keluarganya.

Menurutnya, minyak masak peket menjadi pilihan terutama jika pelanggan yang menginginkan paket perkhidmatan penyediaan makanan.

"Penggunaan minyak masak ini memang banyak apatah lagi kita menerima tempahan makanan daripada pelanggan," katanya yang menetap di Part 2 Kampung Sungai Haji Dorani.

Muhammad Hidayatus Zaman Abdullah Hassan, 35, pula berkata, kekurangan bekalan minyak masak peket disedari lebih seminggu lalu.

Bagaimanapun, katanya, ada beberapa kedai mempunyai stok minyak masak, namun pelanggan hanya dibenarkan membeli satu peket sahaja.

"Beberapa kedai runcit di Bagan Nakhoda Omar ada menjual minyak peket, tetapi jumlahnya terhad," katanya.

Sementara itu, seorang pekerja sebuah pasar raya di Sungai Besar yang enggan dikenali berkata, bekalan minyak masak peket kehabisan stok sejak dua minggu lalu.

Katanya, ramai pengguna mencari minyak masak peket, tetapi bekalan itu sehingga kini masih tidak diperoleh.

"Saya tidak tahu bila keadaan kembali pulih dan bekalan mula diterima di pasar raya ini. Mungkin sehari atau dua hari ini keadaan sudah bertambah baik," katanya.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 18/11/2021
M/SURAT : 4



Jangan anggap makanan di Langkawi mahal kerana isu ikan siakap

ALOR SETAR - Harga makanan laut di Pulau Langkawi tidak semahal seperti didakwa susulan isu tular berkaitan masakan ikan siakap yang dikenakan bayaran RM1,986.

Exco Pelancongan, Seni dan Budaya, Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Mohd Firdaus Ahmad berkata, insiden yang tular itu adalah berpunca daripada salah faham antara pelanggan dan peniaga selain merupakan kes terpencil di pulau peranginan itu.

Beliau berharap isu berkenaan tidak dijadikan gambaran keronnya harga makanan di Langkawi mahal berbanding di tanah besar.

"Difahamkan saiz ikan ini besar, jadi saya harap isu ini tidak ditimbulkan lagi sebab ia bukan isu besar."

"Pihak restoran telah beri penjelasan mengatakan ikan tersebut adalah ikan pameran seberat tujuh ki-



MOHD FIRDAUS
SIDANG DUN
KEDAH

logram, dijual RM16 bagi 100 gram dan harganya telah di-beritahu terlebih dahulu," katanya ketika sesi penggulungan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, pada Rabu.

Mohd Firdaus berkata, susulan insiden itu, pihaknya berharap persefahaman jual beli antara peniaga dan pelanggan perlu dicapai bagi memastikan hak

kedua-dua pihak dihormati.

"Peniaga perlu pastikan tanda harga dipamerkan dan jelaskan kepada pelanggan."

"Pelanggan pula mesti mengetahui harga makanan yang dibayar sebelum menempah makanan," katanya.

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri Kedah telah membuat lawatan ke premis tersebut dan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan 2011 kepada peniaga restoran

terapung tersebut.

"Maklum balas berkaitan kos operasi restoran, kos masakan, harga hidangan di situ diambil sebelum membuat analisa sekiranya berlaku kenaikan harga tidak munasabah atau sebaliknya," katanya.

Baru-baru ini, tular di media sosial mengenai sekumpulan tujuh orang yang makan di sebuah restoran semasa mengikuti trip Mangrove Tour Langkawi, dikenakan harga RM1,986.80 bagi seekor ikan siakap dan bayaran keseluruhan hidangan mencecah RM1,852.50.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **18/11/2021**
M/SURAT : **16**

Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM6.49	Telur Gred A	RM11.55
Daging Lembu Tempatan	RM35	Ikan Kembung	RM10.99
Daging Lembu Import	RM20.50	Minyak Masak	RM6.40
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM2.99
Bawang Putih	RM5.50	Cili Merah	RM11.99
Kubis Bulat Tempatan	RM4	Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP